

NO. SOALAN: 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8396

SOALAN:

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengeluarkan Kertas Putih mengenai kejadian Pembolosan Sempadan Negara di Wang Kelian, Perlis baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Penemuan khemah-khemah sementara yang dibina oleh sindiket-sindiket di dalam hutan di sempadan Malaysia dengan Thailand merupakan tempat yang diistilahkan sebagai “*Safe Haven*” untuk memindahkan sementara pendatang-pendatang apabila pihak berkuasa Thailand membuat operasi di kawasan berkenaan. Setelah keadaan reda, pendatang berkenaan akan dipindah semula di penempatan kekal yang terletak di kawasan Thailand.

Secara keseluruhannya, daripada dua operasi wawasan khas yang dijalankan, jumlah keseluruhan kem yang ditemui setakat ini adalah 29 kem penempatan dan 159 struktur dipercayai kubur telah ditemui di Wang Kelian, Padang Besar, Perlis. Daripada 159 struktur kubur, sebanyak 125 rangka mayat telah ditemui di dalam kubur manakala 5 rangka mayat ditemui di luar kubur. Jumlah keseluruhan rangka mayat yang berjaya ditemui berjumlah 130 rangka. Dari jumlah tersebut, sebanyak 119 rangka telah dilaksanakan *post mortem* dan telah dikebumikan semula. Manakala baki 11 rangka mayat masih berada di hospital untuk menunggu laporan *post mortem* sebelum dikebumikan.

Dalam siasatan yang dijalankan, PDRM juga telah berjaya menangkap sindiket yang terdiri daripada ejen, tekong atau *transporter* yang melibatkan warganegara Malaysia dan warganegara asing seramai 43 orang. Pihak polis juga telah menangkap 4 orang anggota polis yang disyaki terlibat atau bersekongkol dengan sindiket penyeludupan migran di bawah Akta ATIPSOM dan POCA.

Pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengeluarkan kertas putih berkenaan kejadian ini memandangkan masalah ini telah dibahaskan di bawah peraturan 18(1) dalam Parlimen dengan panjang lebar pada 27 Mei 2015 yang lalu.